

# Lembu hibrid sado jadi tarikan utama pengunjung

BERITA HARIAN

2/12/2016

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]



**Dr Kamarulrizal bersama lembu hibrid Sado** pada pameran MAHA 2016, semalam.

**Serdang:** Lembu hibrid sado seberat 1.2 tan antara tarikan utama pengunjung Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia 2016 (MAHA 2016) yang berlangsung di Taman Pameran Pertanian Malaysia, Serdang (MAEPS).

Sebanyak 11 ekor lembu hibrid sado daripada baka Belgian Blue dipamerkan kepada orang ramai bagi memperkenalkan keunikan haiwan berkenaan yang dikatakan boleh mencecah sehingga 1.4 tan.

Pegawai Veterinar Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Dr Kamarulrizal Mat Isa, berkata haiwan berkenaan antara salah satu lembu di dunia yang mempunyai otot berganda, selain Piedmontese dari Perancis.

## **Kandungan lemak rendah**

Beliau berkata, selain mempunyai otot berganda, keistimewaan lembu sado adalah ia mempunyai kan-

dungan lemak yang rendah serta protein tinggi berbanding daging haiwan lain.

"Lembu ini secara genetik juga mempunyai kandungan kolagen rendah dan daging yang lebih lembut.

"Jabatan Veterinar mengambil inisiatif untuk memperkenalkan lembu ini bagi membantu peternak untuk meningkatkan pengeluaran daging segar tempatan serta memenuhi permintaan pengguna," katanya kepada *BH* di sini, semalam.

Beliau berkata, setakat ini lembu hibrid sado sudah mendapat perhatian peternak berskala kecil.

"Kecenderungan ini didorong oleh faktor penghasilan daging yang lebih banyak tanpa memabatkan perubahan besar terhadap keperluan infrastruktur sedia ada mahupun amalan penternakan semasa," katanya.